

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA
PERINGKAT NEGERI PERLIS
30 JULAI 2007

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS
SERTA MENTERI BESAR KEDAH, MENTERI BESAR PERAK DAN KETUA MENTERI
PULAU PINANG

YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI KABINET

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI PARLIMEN SERTA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN
NEGERI

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR HE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH
KURNIA DAN INAYAH-NYA, MAKA DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG PENUH
BERMAKNA INI.

2. HARI INI MENANDAKAN SATU ERA BARU YANG GEMILANG DALAM SEJARAH
PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI DI UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, DAN DI
NEGERI PERLIS KHUSUSNYA. KIRA-KIRA LIMA JAM YANG LALU, SAYA TELAH
MELANCARKAN RANGKA TINDAKAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA DI KEDAH.
ALHAMDULILLAH, MAJLIS PELANCARAN TERSEBUT TELAH BERLANGSUNG DENGAN
SEMPURNA.

3. PADA PETANG YANG PENUH KEBERKATAN INI, SAYA MERASA AMAT BERBANGGA
KERANA DAPAT PULA BERSAMA RAKYAT DI NEGERI PERLIS, BAGI MELANCARKAN
FASA PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA PERINGKAT NEGERI
PERLIS.

4. INSYA-ALLAH, PEMBANGUNAN YANG BAKAL KITA BAWA KE NEGERI PERLIS INI
AKAN MERINTIS SATU TRANSFORMASI YANG AKAN MENGANGKAT KUALITI HIDUP
DAN MARTABAT SETIAP RAKYAT NEGERI PERLIS, TANPA MENGIRA KAUM MAHUPUN
USIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

5. NEGARA KITA TELAH MENGECAPI NIKMAT MERDEKA SELAMA 50 TAHUN. DALAM
LIMA DEKAD YANG TELAH BERLALU, KITA TELAH MENGISI KEMERDEKAAN
TERSEBUT DENGAN JAYANYA. YANG PALING UTAMA, KITA TELAH BERJAYA

MEMASTIKAN BAHAWA PEMBANGUNAN EKONOMI BERLANGSUNG DENGAN PESAT, SERTA FAEDAHNYA DINIKMATI OLEH SEGENAP LAPISAN RAKYAT.

6. DI NEGERI PERLIS, SEPERTI MANA DI LAIN-LAIN NEGERI DI WILAYAH UTARA INI, FAEDAH PEMBANGUNAN INI BEGITU KETARA DIRASAI. KALAU DULU KITA BERJALAN KAKI DI JALAN TANAH MERAH; SEKARANG RAMAI YANG SUDAH BERMOTOKAR DI JALAN RAYA YANG LEBAR DAN BERTURAP. KALAU DULU RIUH SEKAMPUNG APABILA ADA DI KALANGAN ANAK-ANAK KITA YANG DAPAT MASUK KE UNIVERSITI; KINI SUDAH RAMAI ANAK-ANAK PERLIS YANG BERJAYA MENEMPATKAN DIRI DI MENARA GADING, DI DALAM MAHUPUN DI LUAR NEGARA. ALHAMDULILLAH, SEMUANYA INI BERKAT USAHA KITA BERSAMA.

7. NAMUN DEMIKIAN, PIHAK KERAJAAN JUGA TURUT MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA MASIH BANYAK YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK MEMASTIKAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG BENAR-BENAR SEIMBANG. KITA MAHU MEMPERHEBATKAN LAGI GELOMBANG PEMBANGUNAN INI, AGAR TIADA SEORANGPUN RAKYAT YANG AKAN TERCICIR.

8. UNTUK ITU, KERAJAAN TELAH MEMACU PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA, DEMI UNTUK MENJANA PEMBANGUNAN DI NEGERI PERLIS DAN LAIN-LAIN NEGERI DI UTARA, AGAR DAPAT BERSAMA MENIKMATI FAEDAH PEMBANGUNAN NEGARA.

9. DENGAN BERPAKSIKAN TEMA "PERTAMBAHAN NILAI UNTUK MENJANA PERTUMBUHAN YANG SEIMBANG", PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA AKAN MENGGERAKKAN TIGA SEKTOR EKONOMI UTAMA – PERTANIAN, PEMBUATAN, DAN PERKHIDMATAN – UNTUK MELONJAKKAN EKONOMI NEGERI-NEGERI UTARA KE TAHAP NILAI TAMBAH YANG LEBIH TINGGI, DI SAMPING MENAIKKAN TARAF DAN KUALITI HIDUP RAKYAT.

10. DENGAN DIIRINGI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, INSENTIF YANG SEWAJARNYA, SERTA PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG MANTAP, SAYA PERCAYA PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA INI AKAN DAPAT MERUBAH WAJAH DAN RUPA EKONOMI SERTA KUALITI HIDUP MASYARAKAT DI SELURUH WILAYAH UTARA, TERMASUKLAH DI NEGERI PERLIS.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

11. PELAN INDUK BAGI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA TELAH DIRANGKA DENGAN TELITI AGAR SETIAP NEGERI DI WILAYAH INI AKAN MENIKMATI FAEDAHNYA. BAGI NEGERI PERLIS, PELBAGAI STRATEGI TELAH DIRANGKA AGAR MATLAMAT PEMBANGUNAN YANG PESAT DAN MENYELURUH AKAN DAPAT DICAPAI.

12. PERTAMANYA, KITA AKAN MENJANA SATU TRANSFORMASI YANG AKAN MENGANGKAT SEKTOR PERTANIAN DI NEGERI INI DAN DI WILAYAH INI, DENGAN MENJADIKAN PERLIS SEBAGAI SEBUAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) BIOTEKNOLOGI.

13. USAHA INI AKAN DITERAJUI OLEH PENUBUHAN SEBUAH PUSAT R&D BENIH BERTEKNOLOGI TINGGI OLEH SIME DARBY BERHAD. ADALAH DIJANGKA BAHAWA CUACA DI NEGERI PERLIS YANG AMAT SESUAI BAGI PEMBIAKAN BENIH, SERTA LOKASI PERLIS YANG STRATEGIK, AKAN MENJADIKAN PERLIS SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN BENIH YANG UNGGUL DI RANTAU INI.

14. HARUS DIINGATKAN BAHAWA PELABURAN SIME DARBY BERHAD INI MERUPAKAN PELABURAN PENDAHULUAN, YANG AKAN DISUSULI OLEH PELABURAN LAIN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT LAIN. INSENTIF YANG SEWAJARNYA AKAN DISEDIAKAN UNTUK MENGGALAKKAN PELABURAN-PELABURAN TERSEBUT.

15. DENGAN ADANYA PUSAT PEMBANGUNAN BENIH YANG BERTARAF DUNIA, HASIL PERTANIAN AKAN MENINGKAT AKIBAT PENGGUNAAN "BENIH PERLIS" YANG BERKUALITI TINGGI. PUSAT PEMBANGUNAN BENIH INI JUGA AKAN DAPAT MENYUMBANG KEPADA PENDAPATAN NEGARA. DENGAN TERHASILNYA "BENIH PERLIS" NANTI, IANYA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNTUK MEMBELI BENIH DARIPADA LUAR NEGARA – DI MANA JUMLAH NILAI PERBELANJAAN NEGARA KINI MENJANGKAU KIRA-KIRA 100 JUTA RINGGIT SETAHUN – MALAH DAPAT PULA MENYUMBANG KEPADA EKSPORT NEGARA.

16. PUSAT PEMBANGUNAN BENIH INI JUGA AKAN DAPAT MEMACU PEMBANGUNAN "K-EKONOMI" YANG PESAT DI NEGERI PERLIS. PEMBANGUNAN SEKTOR BIOTEKNOLOGI DI SINI DIJANGKA DAPAT MENARIK RAMAI PAKAR-PAKAR PENYELIDIKAN DALAM INDUSTRI BERKENAAN UNTUK DATANG KE PERLIS. KITA BERHARAP PENINGKATAN TAHAP KEPAKARAN DI NEGERI PERLIS INI AKAN MENGHASILKAN SATU KESAN KELOMPOK ("CLUSTER EFFECT"), YANG AKAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN "K-EKONOMI" YANG CERGAS DALAM JANGKA MASA PANJANG, KHUSUSNYA DALAM BIDANG BIOTEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN BENIH.

17. SAYA PERCAYA LONJAKAN BESAR INI AKAN MENINGKATKAN PENGLIBATAN KORIDOR UTARA DALAM RANGKAIAN NILAI SEKTOR PERTANIAN, DAN SETERUSNYA AKAN MENJANA SUMBER PENDAPATAN DAN KEKAYAAN BARU BAGI RAKYAT PERLIS DAN SELURUH WARGA KORIDOR UTARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

18. KITA AKAN TURUT MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN DI NEGERI PERLIS MELALUI PELUASAN AKTIVITI HILIRAN BAGI SEKTOR PERTANIAN, TERMASUK I.K.S. ASAS-TANI. INSENTIF DAN GALAKAN AKAN DIBERIKAN UNTUK MENGGALAKKAN PEMROSESAN DAN PEMBUNGKUSAN HASIL PERTANIAN UNTUK DIPASARKAN KE SELURUH DUNIA.

19. SAYA PERCAYA BAHAWA SATU HARI NANTI, HASIL PERTANIAN JENAMA "NORTHSTAR" DARI NEGERI PERLIS AKAN MENJADI MASYHUR DI SELURUH DUNIA, SEPERTIMANA DAGING NEW ZEALAND DAN ANGGUR CALIFORNIA.

20. PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA JUGA AKAN MELIBATKAN PEMBANGUNAN SEKTOR PERKHIDMATAN, KHUSUSNYA SEKTOR LOGISTIK. USAHA UTAMA DALAM ASPEK INI ADALAH UNTUK MEMBANGUNKAN PADANG BESAR SECARA BERSEPADU SEBAGAI SEBUAH BANDAR SEMPADAN YANG MAJU DAN DINAMIK. SESUAI DENGAN LOKASI NEGERI PERLIS DI TENGAH-TENGAH SEGITIGA PEMBANGUNAN INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND ("INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND GROWTH TRIANGLE" ATAU "I.M.T.-G.T."), PADANG BESAR AKAN MENEMPATKAN SEBUAH DEPOH KONTENA YANG AKAN MENJADI PUSAT LOGISTIK YANG PENTING BAGI WILAYAH UTARA. DI SAMPING ITU, SEBUAH HAB HALAL JUGA AKAN DIBANGUNKAN DI PADANG BESAR UNTUK MENJADIKAN PERLIS SEBAGAI SEBUAH PUSAT LOGISTIK HALAL DALAM KAWASAN I.M.T.-G.T.

21. PADA MASA YANG SAMA, SEKTOR PELANCONGAN JUGA AKAN MENJADI SALAH SATU TUMPUAN UTAMA DALAM MEMBANGUNKAN SEKTOR PERKHIDMATAN DI NEGERI PERLIS. KITA AKAN MENGENALPASTI TARIKAN BARU DI NEGERI PERLIS YANG BOLEH DIPROMOSIKAN KEPADA PELANCONG YANG AKAN DATANG KE MALAYSIA.

22. SEHARUSNYA PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PERTANIAN, PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN INI AKAN DISOKONG OLEH SUMBER DANA DAN INSENTIF-INSENTIF YANG SEWAJARNYA, SERTA OLEH PENAMBAHBAIKAN MODAL INSAN, SERTA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG TERSUSUN.

23. DARI SEGI INSENTIF, ADALAH DIJANGKA BAHAWA PELBAGAI INSENTIF KEWANGAN AKAN DIUMUMKAN OLEH BADAN PELAKSANA WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA YANG AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI. INSENTIF-INSENTIF TERSEBUT AKAN MELIPUTI INSENTIF FISKAL, GERAN, DANA MODAL TEROKA, DAN JUGA INSENTIF BUKAN KEWANGAN YANG DIRASAKAN PERLU.

24. DALAM PADA ITU, PEMBANGUNAN MODAL INSAN AKAN MENJADI SATU TERAS UTAMA BAGI PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA. BAGI MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DI NEGERI PERLIS, KITA AKAN MEMBANGUNKAN PUSAT-PUSAT VOKASIONAL YANG AKAN DISASARKAN KEPADA REMAJA BERUMUR 12 TAHUN KE ATAS DAN JUGA 15 TAHUN KE ATAS. KEMAHIRAN YANG AKAN DILATIH TERMASUKLAH AGRONOMI, KEJURUTERAAN, PENYELENGGARAAN PERALATAN DAN PEMASAKAN.

25. PENEKANAN JUGA AKAN DIBERI TERHADAP MENINGKATKAN KUALITI DAN SUMBANGAN PENDIDIKAN TINGGI KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI KORIDOR UTARA. INI TERMASUKLAH PENINGKATAN FOKUS TERHADAP PERTANIAN DAN BIOTEKNOLOGI, UNTUK MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PAKAR-PAKAR YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN SEKTOR BIOTEKNOLOGI DI NEGERI PERLIS, SERTA KORIDOR UTARA SECARA UMUMNYA.

26. DARI SEGI INFRASTRUKTUR PULA, KITA AKAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN YANG BERSEPADU DI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA. SEBAGAI CONTOH, SEBUAH LEBUHRAYA PESISIR PANTAI AKAN DIBINA, KHUSUSNYA DI ANTARA KUALA PERLIS DAN SIMPANG EMPAT DI NEGERI PERAK. PERLIS JUGA AKAN MENIKMATI FAEDAH HASIL DARIPADA PROJEK LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR YANG AKAN MENGHUBUNGGAN IPOH DENGAN DEPOH KOMERSIL DI PADANG BESAR.

27. SUKA SAYA MENINGATKAN DI SINI BAHAWA PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DI KORIDOR UTARA AMATLAH PENTING, TERUTAMANYA DALAM MEMASTIKAN BAHAWA PELABURAN YANG DIBUAT ADALAH BERSIFAT KOMERSIL DAN MAMPU MENGHASILKAN KEUNTUNGAN DALAM JANGKA MASA PANJANG. JUSTERU ITU, PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, SERTA PIHAK SWASTA AKAN SAMA-SAMA BERGANDING BAHU UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN PELAN RANCANGAN INI.

28. SAYA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA INI AKAN MEMBAWA PELBAGAI FAEDAH DAN MANFAAT KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS. JUSTERU ITU, SAYA INGIN MENGAJAK SELURUH RAKYAT NEGERI PERLIS AGAR SAMA-SAMA MEMAINKAN PERANAN DAN MENYUMBANG KE ARAH MENJAYAKAN USAHA MURNI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

29. KALAU KITA AMATI LAMBANG NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN INI, KITA AKAN DAPATI LINGKARAN PADI YANG MENGHIJAU, MENDASARI PERISAI NEGERI YANG MELAMBANGKAN KEHORMATAN DAN KEDAULATAN NEGERI PERLIS.

30. SAYA PERCAYA BAHAWA DENGAN PELANCARAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA DI NEGERI INI, SATU GELOMBANG PEMBANGUNAN BARU AKAN MERUBAH WAJAH DAN RUPA NEGERI PERLIS, UNTUK MENJADI SEBUAH EKONOMI YANG MODEN, DINAMIK, DAN BERDAYA SAING. SAYA JUGA PERCAYA BAHAWA GELOMBANG PEMBANGUNAN INI AKAN MEMBENTUK SATU LINGKARAN PEMODENAN YANG AKAN MENAIKKAN LAGI MARTABAT DAN KEHORMATAN NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN, INSYA-ALLAH.

31. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PELANCARAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA PERINGKAT NEGERI PERLIS DAN SETERUSNYA MERASMIKAN JUGA MAJLIS PECAH TANAH BAGI "SIME DARBY SEEDS R&D CENTRE".

SEKIAN, TERIMA KASIH.